

TEKS UCAPAN
Y.BRS. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



MAJLIS HI-TEA
SANJUNGAN BUDI, JASAMU DIKENANG

15 November 2022, 2.00 Petang

Hotel Ames

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SALUTASI

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM..



**Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia
(Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

Yang Di-Pertua Negeri Melaka Merangkap Canselor UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar

Mantan Pro Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka, dan isteri



Yang Berhormat Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh

Exco Kanan Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Koperasi dan
Usahawan



Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, dan isteri

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UTeM

Dif-Dif Kehormat

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Dan Keluarga UTeM yang dikasihi sekalian



Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera,

Salam Keluarga Malaysia,

Salam Keluarga UTeM.



اویونورسیتی تیکنیکال ملیکا ملاکا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh keluarga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor untuk hadir di ***Majlis Hi-Tea Sanjungan Budi, Jasamu Dikenang*** pada hari ini.
2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun hadir pada Majlis ini amat bermakna buat seluruh keluarga UTeM. Keprihatinan daripada

Tuan Yang Terutama Tun sesungguhnya dapat menyemarakkan lagi keazaman seluruh keluarga UTeM untuk terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.




أونور سست تكنكوا ماليا
Tradisi Melayu berseloka dan pantun,
Jadikan amalan jangan dilupakan;

**Atas kehadiran dan perhatian Tun,
Terima kasih kami ucapkan.**

- 
3. Tidak lupa juga kepada barisan urusetia yang dipengerusikan secara bersama oleh Encik Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi UTeM dan Datin Wira Ts. Nurazlina binti Md Sanusi, Pengarah Pejabat Komunikasi Korporat dan Perhubungan Canselor (PKKPC) yang bertungkus lumus bagi memastikan Majlis pada hari ini dapat dilaksanakan.

**Tuan Yang Terutama Tun
Hadirin dan Hadirat sekalian,**

- 
4. Majlis Hi-Tea ini dianjurkan sebagai satu penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar yang telah memegang tanggungjawab sebagai Pro Canselor UTeM selama 3 tahun bermula 15 November 2019 sehingga 14 November 2022. Sesungguhnya pelantikan dan penglibatan Yang Berbahagia

Datuk di UTeM merupakan satu penghargaan kepada kami dan menjadi satu semangat kepada seluruh keluarga UTeM untuk menjadi Universiti yang berjaya dan mampu untuk bersaing bukan sahaja di Malaysia, bahkan di persada antarabangsa.

5. Sepanjang penglibatan Yang Berbahagia Datuk sebagai Pro Canselor UTeM, terdapat banyak idea-idea dan juga cadangan-cadangan yang telah diberikan bagi kemajuan bersama. Perasaan cinta terhadap UTeM yang ditunjukkan oleh Yang Berbahagia

Datuk sudah semestinya menjadi tauladan kepada seluruh keluarga UTeM secara langsung melahirkan perasaan cinta yang utuh dan kekal terhadap Universiti tercinta ini.

6. Walaupun sibuk dengan tugas dan tanggungjawab yang digalas, Yang Berbahagia Datuk sentiasa meluangkan masa dengan menyertai program-program yang dianjurkan UTeM seperti Majlis Konvokesyen, Majlis Iftar, Sambutan Hari Raya dan lain-lain lagi. Kebersamaan yang ditunjukkan oleh Yang Berbahagia Datuk menjadi satu inspirasi kepada Keluarga UTeM

untuk menjadi satu komuniti yang sentiasa bersama dalam mengimarahkan UTeM sebagai sebuah Universiti yang bukan sahaja mementingkan pencapaian akademik dan prestasi, tetapi juga dari aspek hubungan kekeluargaan.

Tuan Yang Terutama Tun

Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. Sebagai penghargaan di atas segala sumbangan dan dedikasi Yang Berbahagia Datuk sepanjang menggalas tanggungjawab sebagai Pro Canselor UTeM, maka hari ini pihak Universiti amat berbesar hati menganjurkan Majlis ini sebagai tanda terima kasih walaupun nilainya tidaklah setara dengan khidmat bakti tanpa jemu Yang Berbahagia Datuk.
8. Walaubagaimanapun, ini bukanlah satu pengakhiran kepada ikatan silaturahim yang telah dijalankan. Insyaallah sekiranya

dikurniakan rezeki dan umur yang panjang, saya percaya UTeM akan menjalin kerjasama yang erat bersama yang Berbahagia Datuk di dalam satu platform dan agenda yang berbeza.

9. Bagi pihak Universiti, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk.

**Warga maju UTeM diperkasa,
Mencurah kudrat susah dan senang;**

**Terima kasih Datuk menyumbang jasa,
Bakti dicurah sentiasa dikenang.**

10. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih di atas kelapangan masa Tuan Yang Terutama Tun, Tuan-tuan dan Puan-puan yang turut hadir bersama di majlis pada hari ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

11. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

جامعة ملاكا التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA